

# LIAM, NSTP beri pendedahan kepentingan insurans

KUALA LUMPUR: Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) dan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), semalam bersestuju menjalin bekerjasama bagi memberi pendedahan kepada masyarakat berhubung pentingnya insurans dalam kehidupan mereka.

Kerjasama menerusi sumbangan artikel LIAM kepada tiga akhbar kumpulan NSTP iaitu *Berita Harian*, *Harian Metro* dan *New Straits Times* selama tiga bulan mulai April ini, bertujuan memberi pendidikan kepada masyarakat yang tiada insurans perlindungan seterusnya memu-

dahkan mereka membuat pilihan terbaik.

Presiden LIAM, Md Adnan Md Zain, berkata hanya 41 peratus rakyat Malaysia mempunyai kesedaran perlunya perlindungan insurans manakala 11 juta lagi khususnya kaum Melayu, tiada kebaikan jangka panjang pelaburan insurans sekali gus

sebagai membimbangkan.

Justeru, kerjasama dengan

NSTP itu diharap memberi

pendedahan mengenai ke-

pentingan insurans.

“Artikel disumbangkan

mengenai perkara asas insu-

rans, persoalan lazim serta

kebaikan jangka panjang pe-

laburan insurans sekali gus

mengikis pandangan negatif masyarakat terhadap keperluan memiliki insurans.

“Selain pemahaman terha-

dap insurans, pendekatan ini

diambil sebagai garis pandu-

an kepada masyarakat sete-

rusnya meningkatkan jumlah pemegang insurans di ne-

gara ini,” katanya.